

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 25, 2018 2:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ibu Bapa Disaran Guna Peluang Pendidikan Prasekolah Disediakan Kerajaan Sebanyak



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

25 NOVEMBER 2018 / 17 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Aina Syamimi Che Hassan
Gambar okeh: Shamsaimi Ezil

IBU BAPA DISARAN GUNA PELUANG PENDIDIKAN PRASEKOLAH DISEDIAKAN KERAJAAN SEBAIKNYA



UUM ONLINE: Ibu bapa disaran untuk menggunakan peluang pendidikan prasekolah yang disediakan kerajaan sebaiknya sebagai persediaan untuk anak-anak mereka menghadapi suasana alam persekolahan sebenar yang lebih mencabar.

Pengerusi Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Tunku Puteri Intan Safinaz (PPKTPIS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Noridah Bachik berkata jika sebelum ini ada di antara kanak-kanak ini yang bersifat kurang keyakinan diri, pendiam dan pemalu kini selepas hampir setahun mereka belajar di dalam kelas prasekolah, sifat-sifat tersebut semakin berkurangan dan kebanyakan mereka bertukar menjadi lebih berkeyakinan, kreatif dan inovatif.

"Hal ini kerana di prasekolah terdapat pelbagai program dan aktiviti seperti menulis, membaca, mengira, bersukan, bercerita, nyanyian dan sebagainya telah membantu anak-anak ini bersikap positif selaras dengan matlamat pendidikan prasekolah bagi menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebelum masuk ke tahun satu, sekolah rendah."

"Justeru, para ibu bapa yang hadir pada hari ini suka saya mengingatkan bahawa gunakanlah peluang pendidikan prasekolah yang disediakan oleh pihak kerajaan ini sepenuhnya bagi memastikan anak-anak kita bersedia mengharungi suasana persekolahan sebenar," ujarnya ketika berucap merasmikan Majlis Konvokesyen Tadika PPKTPIS kali ke-26 bagi meraikan kejayaan graduan-graduan cilik yang menamatkan prasekolah di pusat itu, baru-baru ini.

Noridah turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pendidik, guru dan staf Pusat itu yang telah berganding bahu tanpa mengira penat dan lelah, mengasuh dan mendidik anak-anak prasekolah ini dengan penuh kesabaran dan kasih sayang.

Selain itu beliau turut menyeru agar ibu-bapa berganding bahu bersama-sama pendidik untuk mendorong anak-anak lebih berjaya di dalam pelajaran serta kegiatan luar lain kerana masa depan negara bergantung kepada generasi muda yang dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang cukup selain sahsiah diri dan kekuatan iman.

Seramai 31 graduan cilik yang berjaya menamatkan sesi prasekolah masing-masing telah diraikan pada majlis itu yang turut diserikan dengan persembahan oleh kanak-kanak Tadika PPKTPIS.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.